

LATIHAN TENTERA UNTUK BELIA

9 JAN 1994

Oleh Kamal Ahmad dan Zairee Zahir

P

KUALA LUMPUR: Kerajaan bercadang menubuhkan badan sukarela yang memberi tumpuan kepada latihan bercorak tentera dan kepimpinan bagi menggalakkan penyertaan belia dalam kegiatan berfaedah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan badan sukarela itu akan memberi peluang kepada belia dan persatuan mengisi masa dengan kegiatan yang membina dan berfaedah ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) selama kira-kira tiga jam setengah semalam, Presiden Umno itu berkata, persatuan belia yang didapati tidak aktif juga akan digalakkan menyertai kegiatan yang dianjurkan oleh badan sukarela itu.

"Kerajaan tidak bercadang mengadakan perkhidmatan wajib atau kerahan tenaga untuk rakyat. Kita hanya membincangkan keperluan mengadakan badan sukarela untuk memberi latihan bidang berkawad dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya badan sukarela seperti itu, kegiatan bercorak ala-tentera dan ala Kem Bina Semangat (Out Bound School) itu menjadi lebih tersusun dan menarik.

Dr Mahathir berkata, kerajaan berpendapat badan sukarela seperti itu mampu menarik golongan belia yang mempunyai banyak masa lapang tetapi tidak dapat menggunakannya dengan kegiatan yang bermanfaat.

Isu tabiat belia membuang masa di kompleks membeli-belah ini menjadi perhatian pelbagai lapisan masyarakat di negara ini yang bimbang ia akan menggalakkan golongan remaja melakukan perkara yang tidak bermoral.

Semalam, Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan akan menggabungkan kepakaran pusat pengajian tinggi tempatan bagi membantu Kementerian Belia dan Sukan membuat kajian tabiat dan jumlah belia yang sering membuang masa di pusat membeli-belah.

Menurutnya, kajian mengenai jumlah sebenar itu penting untuk membantu kementerian berkenaan merancang program bagi memastikan golongan terbabit mendapat perhatian sewajarnya.

Beliau, berkata, dengan adanya kerjasama pusat pengajian tinggi itu, kajian mengenai tabiat belia terbabit akan lebih menyeluruh dan tidak tertumpu di Kuala Lumpur saja.

Katanya, kementerian sebelum ini mengadakan kajian membabitkan sebanyak 280 belia di empat pusat membeli-belah di Kuala Lumpur, termasuk di Pasar Budaya.

Bagaimanapun, Abdul Ghani tidak menjelaskan hasil kajian itu kerana belum dapat mewakili jumlah sebenar.